

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN iRAGS

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Sebagai sebuah Universiti Awam yang sedang mempergiatkan penyelidikan, UiTM perlu menyemarakkan budaya penyelidikan di kalangan ahli akademik. Sehubungan itu, Geran Penyelidikan iRAGS diwujudkan untuk membudayakan penyelidikan di kalangan penyelidik muda di UiTM.
- 1.2 Di samping itu juga, geran ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan *denominator* agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan nasional dan antarabangsa.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

- 2.1 Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:
 - 2.1.1 Bidang Sains & Teknologi :
RM 20,000 bagi tempoh dua (2) tahun.
 - 2.1.2 Bidang Sains Sosial :
RM 5,000 bagi tempoh satu (1) tahun.
- 2.2 Jumlah peruntukan dipertimbangkan untuk penambahan berdasarkan prestasi penyelidikan tahun pertama.

3.0 SYARAT PENAWARAN GERAN

- 3.1 Ketua Projek telah memohon Geran Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) melalui system MyGrants, Kementerian Pengajian Tinggi dan di kategorikan berjaya dalam penilaian di peringkat UiTM.
- 3.2 Penyelidikan mesti dilaksanakan dengan pensyarah senior di kampus UiTM Selangor selaku mentor.

- 3.3 Bersetuju dengan terma yang dinyatakan dalam surat tawaran oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 3.4 Ketua Projek adalah dalam gred 52 dan ke bawah serta mempunyai pengalaman sebagai ahli akademik tidak melebihi lima (5) tahun.
- 3.5 Mestilah Warganegara Malaysia.
- 3.6 Pensyarah berstatus tetap sahaja.
- 3.7 Hanya satu (1) projek penyelidikan dibenarkan untuk dipohon dan diperaku.
- 3.8 Pensyarah sedang cuti belajar tidak dibenarkan untuk memohon dan menjalankan penyelidikan.
- 3.9 Tidak pernah memegang mana-mana geran nasional atau antarabangsa.
- 3.10 Jumlah ahli bagi setiap projek terhadap kepada maksimum 5 orang termasuk ketua projek.

4.0 KEWANGAN

- 4.1 Untuk bidang Sains & Teknologi, agihan perbelanjaan dan peruntukan geran tertakluk kepada pembahagian bajet sebanyak 60% pada tahun pertama dan baki 40% pada tahun kedua.
- 4.2 Pembayaran upah pembantu penyelidik dengan jumlah maksimum **RM 1,000.00 sebulan.**

5.0 PENILAIAN GERAN

Penawaran Geran ini adalah kompetitif dimana penilaian Geran adalah berlandaskan prosedur penilaian geran RAGS 2015.

6.0 PERANAN PENYELIDIK SELEPAS PENAWARAN GERAN

Memastikan surat penerimaan tawaran serta lampiran yang lengkap dikembalikan ke Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) dalam tempoh yang ditetapkan.

7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 7.1 Penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan bulan secara berkala sebagaimana dinyatakan dalam surat tawaran IRMI.
- 7.2 Bagi geran ST, peruntukan tahun kedua hanya akan diberikan setelah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan berindeks dan membelanjakan sekurang-kurangnya 90% jumlah peruntukan tahun pertama.
- 7.3 Kegagalan memenuhi perkara 7.1 dan 7.2 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.4 Pihak IRMI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 7.5 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.

8.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Bidang Sains dan Teknologi
Penyelidik mesti menerbitkan dua (2) penerbitan berindeks SCOPUS/WOS/ERA
- 8.2 Bidang Sains Sosial
Penyelidik mesti menerbitkan satu (1) penerbitan berindeks SCOPUS/WOS/ERA.
- 8.3 Penghargaan kepada geran iRAGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

JAA/updated05012016